

ISLAM DAN WANITA

oleh

Prof. Madya Dr. Abdullah Alwi b. Haji Hassan

Abstract

Islam, as al-Din which connotes it as a complete way of life, touches also in its teaching on women and their status and roles in an Islamic Society. This religion gives an ample opportunities to women to develop their own capabilities in order to play their roles in the society effectively, whether as a wife, mother, professional worker and so on. Islam allows women to have their own rights in the society, namely the right of education, expression property ownership and so forth. They are equal with men in front of God as a muslim with their own deeds and personal status as the servants of God. An equality between them in Islam does not mean they have the same rights according to their own nature as it is created by God.

Pendahuluan

Bila memperkatakan wanita di dalam Islam, tidaklah dapat dielakkan daripada membicarakan beberapa aspek penting mengenai kedudukan mereka berhubung dengan status, peranan dan sumbangan mereka terhadap diri, keluarga dan umat Islam di sepanjang masa.

Rencana ringkas ini akan membentangkan beberapa aspek mengenai status, peranan dan sumbangan wanita di dalam pandangan Islam, yang seharusnya menjadi matlamat perjuangan seluruh kaum wanita Islam. Antara aspek-aspek yang berhubung dengan perkara tersebut adalah seperti berikut:

Status Wanita Islam

Antara status wanita yang telah ditentukan oleh Islam:

- i. Wanita tetap mempunyai taraf yang sama dengan kaum lelaki di sisi Allah. Ukuran kelebihan seseorang itu ialah ketaqwaannya. Allah telah berfirman:

يَعِيشُهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذَكْرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَفَبَآيِّلَ
لِتَعَارُفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَقُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَمِيرٌ

(١٧)

"Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal".¹

- ii. Wanita dan lelaki diciptakan sebagai pasangan pelengkap antara satu sama lain (*inter-complementary*) untuk memikul tanggungjawab sebagai Khalifah Allah di bumi ini. Kedua belah pihak ditugaskan untuk meneruskan pengekalan jenis manusia (*procreation*), yang telah ditentukan fungsi masing-masing, bagi memenuhi keperluan antara satu pihak dengan lainnya: Allah berfirman:

هُنَّ لِيَابَسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِيَابَسٌ لَهُنَّ

"Mereka (wanita) adalah pakaian bagimu (lelaki), dan kamu (lelaki) pun adalah pakaian bagi mereka".²

Yang dimaksudkan dengan pakaian (*libas*) di sini, kerana pakaian melambangkan kecantikan, kemuliaan dan kehormatan. Sesuatu pakaian yang dipakai ialah melambangkan sesuatu yang tidak boleh dipisahkan dari badan seseorang yang normal dan waras, kerana manusia yang tidak mempunyai pakaian menunjukkan ia tidak normal dan tidak siuman.

Kaum lelaki pula adalah pelindung kepada kaum wanita, kerana mereka mempunyai kekuatan dan lain-lain keistimewaan yang khusus, seperti firman Allah:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ
وَبِمَا أَنفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka".³

¹Al-Qur'an, al-Hujurat (49):13.

²Al-Qur'an, al-Baqarah (2):187.

³Al-Qur'an, al-Nisa' (4): 34.

Dengan status yang diberikan kepada kaum wanita itu, agama Islam telah meletakkan wanita di dalam suatu kedudukan yang terjamin dari segi nilai kewanitaan mereka dan mempunyai taraf yang penting di dalam masyarakat.

iii. Wanita adalah satu tanggungjawab yang diamanahkan kepada lelaki dan di sebaliknya wanita juga bertanggungjawab terhadap lelaki. Ini bererti seseorang anak perempuan telah diamanahkan dengan satu tanggungjawab oleh Allah kepada bapanya dan begitu juga seorang isteri telah diamanahkan dengan satu tanggungjawab kepada suaminya dan begitulah sebaliknya. Rasul Allah s.'a.w bersabda di dalam Khutbah al-Wada' yang bermaksud:

"Wahai manusia! Sesungguhnya bagi kamu ke atas isteri-isteri kamu satu tanggungjawab, dan bagi mereka ke atas kamu satu tanggung jawab. Sesungguhnya kamu mengambil mereka sebagai satu amanah daripada Allah".⁴

Peranan Wanita Islam

Ada beberapa peranan penting yang telah ditentukan oleh Allah kepada kaum wanita. Antara peranan-peranan itu ialah:

1. Wanita sebagai hamba Allah

Di dalam hubungan wanita sebagai hamba mereka mempunyai taraf yang sama dengan lelaki, Allah telah berfirman:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَأُولَئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ تَقْرِيرًا

"Barangsiapa yang mengerjakan amalan salih, baik lelaki ataupun wanita sedang ia orang yang beriman, maka mereka itu masuk ke dalam syurga dan mereka tidak dianiaya walau sedikit pun".⁵

Kaum wanita tetap mempunyai tanggungjawab terhadap Allah. Mereka juga mempunyai hak untuk menunaikan rukun Islam, tetapi penentuan tanggungjawab ini ada beberapa perbezaan di antara lelaki dan wanita. Kelonggaran-kelonggaran diberikan kepada kaum wanita tentang ibadah tertentu, untuk memberi keringangan kepada mereka menjalankan tanggungjawab rumah tangga, umpamanya mereka tidak diwajibkan menunaikan fardhu Jumaat dan lain-lain lagi. Di samping itu,

⁴Abu Muhammad 'Abd al-Malik b. Hisyam, *al-Sirah al-Nabawiyah* (Beirut, 1975), hal. 185-86.

⁵*Ibid.*, al-Nisa' (4):124.

kaum wanita juga mempunyai tanggungjawab untuk mengembangkan dan memperluaskan seruan dan dakwah Islamiah. Peranan ini telah dimainkan oleh kaum wanita dari zaman berzaman. Dengan itu lahirlah tokoh-tokoh seperti Khadijah binti Khuwaylid, Fatimah binti Rasul Allah, Sumayyah 'Ali Yasir, Rabi'atul 'Adawiyyah dan lain-lain lagi.⁶

2. Wanita Dan Tanggungjawab Terhadap Rumahtangga

Di dalam sebuah rumah tangga, wanita berfungsi sebagai seorang isteri dan ibu. Di dalam fungsinya sebagai seorang isteri, wanita mempunyai kuasa eksekutif yang penuh, walaupun suami mempunyai hak "*over-head supervision and control*" dan pada masa yang lain puja wanita dianggapkan selaku pemerintah dan suaminya sebagai tetamu kepadanya.⁷ Hanya isteri yang mukmin dan salih sahaja yang boleh menjalankan tugas-tugas ini. Walaupun begitu, suami tetap dipertanggungjawabkan menentukan pemberian nafkah, sama ada kediaman, pakaian, makanan, sex, perkhidmatan perubatan dan pembantu rumah, jika diperlukan.⁸ Selain daripada itu suami juga dipertanggungjawabkan menyediakan maskahwin (*mahr*), semasa perkahwinan diakadkan. Maskahwin ini bukanlah merupakan harga diri, yang telah ditentukan nilainya, tetapi sebagai pemberian tanda keredaan kedua belah pihak menjadi suami dan isteri yang sah,⁹ yang menjadi tanda untuk dikenangi sepanjang hidup mereka.

Semua tugas rumah tangga bukanlah tanggungjawab isteri, sebagai tebusan daripada pemberian maskahwin dan nafkah, tetapi kerja-kerja itu adalah lahir daripada keikhlasan, ihsan dan kasih sayang antara kedua belah pihak. Dengan itu, suami tetap dipertanggungjawab memastikan setiap anggota keluarga menuaikan tanggungjawab masing-masing kepada Allah bagi menyelamatkan mereka daripada api neraka.¹⁰ Hanya orang-orang yang beriman sahaja berupaya menyempurnakan tanggungjawab ini. Sehubungan itu, suami hendaklah sentiasa melakukan keadilan, termasuklah kepada isteri-isterinya.¹¹

⁶Untuk mengetahui sejarah ketokohan sebahagian daripada mereka, lihat Fauziah Thani "Ketokohan Saidatina Khadijah binti Khuwailid", dalam Abd. Ghani Shamsuddin (Suntingan), *Sekitar Persoalan Wanita (Tokoh dan Mithaliah)* (Petaling Jaya, 1407/1986), hal. 111 et seq.

⁷Syed Hussein Nasr, "The Role of Woman in Islamic Society", *INQILAAIB*, September, 1976, No. 4, The Muslim Student's Association of South Africa, hal. 30-31.

⁸Abu 'Abd Allah Muhammad b. Idris al-Syafi'i, *al-Umm* (Beirut, 1403/1983), V, hal. 93-99.

⁹*Ibid.*, hal. 62-73.

¹⁰Al-Quran, al-Tahrim (66):6.

¹¹*Ibid.*, al-Nisa' (4):3.

3. Wanita Dan Pendidikan

Wanita sebagai ibu, tetap dipertanggungjawabkan mendidik anak-anak mereka. Mereka dikehendaki melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan untuk mencapai tujuan ini. Masyarakat dan negara seharusnya menyediakan peluang yang cukup untuk kaum wanita memperolehi ilmu pengetahuan, sama ada di dalam bidang agama atau keduniaan. Malahan masyarakat sekarang memerlukan kepada guru-guru, doktor-doktor, penulis-penulis wanita, ahli tadbir dan ahli akademik. Mereka sewajarnya menceburi di dalam semua bidang profesional, sama ada di dalam sektor awam atau swasta. Hanya dengan ilmu pengetahuan sahajalah kaum wanita dapat melibatkan diri mereka di dalam bidang-bidang tersebut dan menaikkan taraf hidup kaum mereka.

4. Wanita Dan Masyarakat

Wanita tetap berperanan di dalam masyarakat. Mereka tidak seharusnya membiarkan tugas kemasyarakatan mereka kepada kaum lelaki sahaja. Bila disebut masyarakat Islam ianya bererti '*Ummah Islamiyyah*', sebagaimana yang diistilahkan oleh Islam. Bila disebut *Ummah Islamiyyah* ia hendaklah mempunyai ciri-ciri kesatuan dari segi 'aqidah, 'ibadah, akhlak, sejarah, bahasa, citarasa, nilai, fikiran, undang-undang dan kepimpinan.¹² Peranan wanita Islam di dalam masyarakat ini ialah melalui sumbangan-sumbangan mereka di dalam membangunkan masyarakat, sama ada dari segi kebendaan ataupun kerohanian. Sumbangan-sumbangan itu boleh dilakukan melalui aktiviti-aktiviti mereka secara berinteraksi dengan masyarakat, dengan menjadikan mereka sebagai agen kepada perubahan. Perubahan-perubahan itu sama ada dalam bidang politik, ekonomi ataupun sosial. Di dalam bidang politik Islam telah menetapkan bahawa fungsi kepimpinan sesuatu kaum diserahkan kepada kaum lelaki. Ini tidaklah bererti wanita tidak mempunyai apa-apa hak berhubung dengan politik negaranya. Tugas seorang pemimpin adalah terlalu berat, kerana wanita tidak dapat menjalankan tugas kepimpinan yang besar yang hanya kaum lelaki sahaja berupaya menjalankannya, terutamanya tugas seorang ketua negara Islam yang ada pula mempunyai hubungan dengan tugas keduniaan dan agama yang tidak boleh diketuai oleh seorang wanita, seperti ketenteraan dan Imam sembahyang dan lain-lain lagi. Walaupun begitu, kaum wanita dibenarkan mempunyai hak menegur segala kebatilan yang dilakukan oleh pemerintah atau anggota-anggota masyarakat yang lain. Ini pernah berlaku dalam sejarah Islam; umpamanya, seorang wanita telah menentang peraturan menetapkan maskahwin 40 *awqiyah* yang dilakukan oleh Khalifah 'Umar b. al-Khattab, kerana peraturan sedemikian bertentangan

¹²Sa'id Hawwa, *al-Islam* (Beirut, t.t.), hal. 338-343.

dengan al-Qur'an. Tanggungjawab wanita di dalam politik ialah sebagai pemberi kesedaran politik 'political consciousness' terhadap perjalanan pentadbiran politik negara dan dengan ini barulah perkara ini menepati konsep kepimpinan berjamaah (*collective leadership*). Di dalam bidang ekonomi pula, Islam tetap menggalakkan kaum wanita berusaha mencari rezeki. Di dalam al-Quran Allah berfirman:

لِرِجَالٍ نَصِيبٌ مِمَّا أَحْكَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْكِتَابَ⁵

"Bagi orang lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan bagi para wanita ada bahagian dari apa yang mereka usahakan".¹³

Ini menunjukkan Islam tetap mengakui hak lelaki dan perempuan. Mereka diberikan hak, malahan digalakkan melakukan segala usahanya untuk mencapai taraf ekonomi yang tinggi.

Di dalam bidang sosial, sama ada berupakan kebajikan, dakwah dan lainnya, Islam sentiasa menggalakkan kaum wanita supaya sentiasa bergerak maju untuk melakukan sebanyak mungkin kebajikan kepada penghidupan sosial dan di dalam menjalankan kegiatan-kegiatan mereka hendaklah berganding bahu dengan kaum lelaki.

Allah berfirman:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بِعِصْمَهُمْ أَوْ لِيَأْتِهِنَّ بِعِصْمِ يَأْمُرُونَ كَيْفَ يَأْمُرُونَ فِي الْمَعْرُوفِ
وَإِنَّهُنَّ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيَنْذُونَ الزَّكَوةَ
وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أَوْ لَيْكَ سَيِّدُهُمْ أَنَّ اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ
حَكِيمٌ (71)

"Dan orang-orang mukmin lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh yang ma'ruf dan mencegah yang mungkar, mereka mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mematuhi Allah dan Rasul-Nya. Merekalah yang dirahmati oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana".¹⁴

¹³ Al-Qur'an, al-Nisa' (4):32.

¹⁴ Al-Qur'an, al-Tawbah (9):71.

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنْ تُحِينَهُ حَيَاةً
 طِبَّةً وَلَنْ تُنْجِزَنَّهُمْ أَجْرُهُمْ يَأْخُذُنَّ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

*“Barang siapa yang berbuat baik (salih), baik lelaki atau perempuan sedang ia beriman nescaya Kami akan berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami akan beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan”.*¹⁵

5. Apakah Pembebasan Wanita?

Gerakan pembebasan wanita atau *women's liberation* telah lahir di Barat sebagai kesan dari revolusi Industri. Aliran pembebasan wanita ini telah diperkenalkan di kalangan masyarakat Melayu sejak sebelum Perang Dunia Pertama lagi. Ini dapat dilihat di dalam novel-novel seperti Faridah Hanom. Percintaan kasih kemudahan dan lain-lain lagi, yang memuatkan beberapa teguran dan kritikan kedudukan wanita Melayu yang terbelenggu dan terkebelakang. Tendensi-tendensi pembebasan ini berkembang seterusnya setelah muncul sistem pelajaran sekular dan pemodenan yang melanggar ikatan tradisi. Di dalam gerakan-gerakan politik pula muncul pemimpin-pemimpin politik wanita di dalam parti-parti Melayu yang ditubuhkan pada zaman awal kebangkitan semangat kemerdekaan tanahair dalam tahun-tahun 1940an dan awal 1950an. Sebagai kemuncaknya, wanita Melayu bersama dengan wanita seluruh dunia telah menyambut Tahun Wanita Antarabangsa 1975 dan dasawarsa 1975-1985 sebagai dekad Wanita Antarabangsa.¹⁶

Penonjolan idea pembebasan wanita di Barat secara lebih ketara telah dicetuskan oleh keadaan hidup dan pekerjaan di kilang-kilang pada akhir kurun ke 19, setelah mereka menerima rangsangan daripada rekaan-rekaan terhadap alat-alat kemudahan rumah yang meringankan kerja-kerja rumah mereka. Akhirnya pembebasan ini telah menjadi satu cara yang merosakkan nilai kewanitaan itu sendiri, yang menyebabkan pendedahan mereka kepada kerosakan akhlak dan iman, seperti pergaulan yang bebas dan kelalaian terhadap tanggungjawab keagamaan dan rumah tangga mereka.¹⁷ Kesungguhan terhadap

¹⁵ *Ibid.*, al-Nahl (16):97.

¹⁶ Mohamad Abu Bakar, “Pembebasan Wanita: Dorongan dan Dilema” dalam Abd. Ghani Shamsuddin (Suntingan), *Sekitar Persoalan Wanita (Tokoh dan Mithaliah)* (Petaling Jaya, (1986), hal. 20.

¹⁷ *Ibid.*, hal. 20-21.

idea pembebasan wanita terus berkembang hingga ke masa sekarang. Gerakan penentangan terhadap penutupan aurat adalah salah satu daripada manifestasi perjuangan emansipasi yang telah bertunjang. Tetapi, yang anihnya, gerakan sedemikian berlaku pada masa penganjur-penganjurnya masih lagi mempertikaikan kebijaksanaan dan kebaikan menolak kehidupan tradisi kaum wanita itu sendiri. Antara mereka ialah seperti Germaine Greer yang pernah mempelopori perjuangan pembebasan wanita di Barat, menerusi bukunya, *Sex and Destiny*, baru-baru ini telah merakamkan perasaan kesal terhadap perpecahan keluarga besar (*extended family*) setelah wanita memperolehi kebebasan dan keruntuhan rumah tangga akibat dari isteri yang lari. Ramai lagi antara mereka, seperti Arianna Stassinopoulos, pengarang *The Female Woman* dan Midge Decter penulis *The New Chastity* dan lain-lain lagi, yang tidak senang hati dengan sikap pembebasan wanita. Dari pendapat-pendapat ini jelas menunjukkan bahawa kaum wanita tidak dapat mengelakkan daripada realiti yang mana mereka tidak dapat lari daripada kewanitaan mereka. Mereka hendaklah memusatkan semua pengecimpungan hidup mereka di dalam lingkungan naluri penciptaan asal mereka. Tanpa berbuat demikian mereka akan terkeluar daripada paksi semulajadi tujuan penciptaan mereka.¹⁸

6. Wanita Melayu : Antara Islam Dan Pembebasan

Arus pemodenan telah mengikis sebahagian dari nilai tradisional wanita Melayu, tetapi di sebaliknya pula pemodenan juga telah melibatkan wanita Melayu di dalam pemupukan cita-cita Islamiyyah. Penghijrahan mereka ke bandar dan pertambahan kehadiran mereka di dalam masyarakat pelajar di kampus-kampus Universiti dan lainnya juga mendedahkan mereka kepada proses Islamisasi kehidupan mereka. Disebabkan arus Islamisasi ini begitu kuat, idea-idea emansipasi wanita makin pudar daripada masyarakat Melayu. Mereka telah mula menghidupkan kembali nilai-nilai tradisional dan sebahagian nilai-nilai Islam yang mereka terima daripada pendakwah-pendakwah. Ini dapat dilihat daripada pakaian, pergaulan dan sikap hidup mereka terhadap ajaran Islam. Mereka telah kembali kepada keperibadian muslimah sejati, iaitu menjadi anak, pelajar, pegawai, ibu dan wanita yang baik dan bertanggungjawab menurut pandangan Islam atau *al-Tasawwur al-Islami*. Kebanyakan mereka sekarang telah melibatkan diri, tidak lagi terhad kepada kegiatan-kegiatan “Keperempuanan seperti kelas memasak dan menjahit sahaja, mereka telah menyertai pergerakan-pergerakan dakwah selaku pendakwah dan peserta program dakwah. Pembabitan ini juga bererti mereka telah meninggalkan upacara dan majlis-majlis yang *unIslamic*

¹⁸ *Ibid.*, hal. 21-22.

seperti pertunjukan fesyen dan pertandingan ratu cantik yang pada satu masa dahulu kegemaran universal wanita moden. Pendakwah di kalangan kaum lelaki juga mencetuskan kegemaran kaum wanita meminati pergerakan dakwah ini. Kesemarakan dakwah dan kebangkitan semula Islam ini juga membangkitkan jiwa penentangan unsur-unsur pengamalan tradisional yang salah di kalangan kaum wanita. Ini termasuklah penolakan mereka terhadap adat bersanding dan lain-lain lagi. Penolakan ini ialah brtujuan dan bererti untuk menyesuaikan semua aktiviti harian mereka dengan kehendak agama. Perubahan-perubahan ini, bukan di dalam masyarakat tertentu sahaja, malah di kesemua lapisan masyarakat wanita, termasuk masyarakat pelajar, ahli tadbir, pemimpin politik dan orang awam. Di samping itu laungan-laungan untuk menuntut "Perasmian hak" mereka telah menjadi kendur dan tidak bersemangat lagi. Sikap-sikap pembaharuan bercorak keislaman ini adalah amat menggalakkan. Perkembangan sikap keislaman di kalangan masyarakat wanita ini tidaklah bererti berkurangnya kadar anak-anak memasuki apa jenis persekolahan dan pusat-pusat pengajian tinggi, berkurangnya penglibatan wanita di dalam politik, perkhidmatan awam, swasta dan lain-lain lagi sejajar dengan anjuran berdasar etika Islam malahan bilangan mereka yang menyertai dan melibatkan diri di dalam bidang-bidang itu makin bertambah. Ini juga salah satu daripada jawapan kepada setiap pengkritik terhadap kebangkitan semula Islam yang mana telahan-telahan dan tuduhan-tuduhan mereka bahawa Islam membawa kemunduran itu adalah tidak benar.¹⁹

7. Cabaran Semasa Dan Wanita Melayu

Islam sebagai satu *al-Din* yang lengkap telah menentukan garis-garis yang menjadi skima kehidupan kaum wanita. Kaum wanita sentiasa menghadapi cabaran bagaimanakah cara penyelesaian Islam terhadap nilai-nilai moden dan tradisional yang mereka terpaksa tempuh.. Dalam suasana ini mereka akan mencari jalan untuk menghapuskan nilai-nilai yang bercanggah dengan Islam di dalam setiap amalan yang mereka lakukan secara tradisional dan serentak dengan itu juga mereka cuba menolak segala nilai yang tidak bersesuaian dengan Islam, yang datang dari Barat. Islam tetap menolak pembentukan sebuah *unisex society*, kerana masyarakat sedemikian tidak menggariskan hak-hak lelaki dan perempuan dengan jelas. Islam telah menentukan peranan dan kerja untuk lelaki dan perempuan dalam setiap bidang hidup, yang baru mula disedari kembali oleh orang-orang Barat. Umpamanya, Prof. E. J. Mishan menegaskan "... role

¹⁹Muhammad Abu Bakar, *Penghayatan Sebuah Ideal - Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa* (Kuala Lumpur, 1987), hal. 136-139.

differentiation is an essential part of (Society's) survival mechanism....”²⁰ Islam telah menetapkan pembebasan wanita itu ialah pengembalian mereka ke taraf dan darjah yang telah ditetapkan oleh Allah, dan ini termasuklah peranan mereka sebagai suri rumah dan ibu sepertimana yang digariskan di dalam ajaran al-Quran dan al-Hadith yang mana wanita dikurniakan dengan bentuk dan sifat jasmani yang berbeza dan membezakan mereka daripada lelaki, untuk disesuaikan dengan peranan tabi'i mereka.²¹ Perbezaan ini tetap mempunyai hikmat yang tersirat²² yang kadang-kadang sengaja dinafikan oleh wanita sendiri. Menurut penulis Islam terkenal Mustafa al-Rafi'i, kekerasan lelaki adalah bersesuaian dengan kewajipan mereka untuk mencari rezeki dan kelembutan wanita adalah berpadanan dengan tugas keibuan mereka.²³ Malahan Prof. A.K. Brohi menyimpulkan bahawa gerakan persamaan di Barat haruslah ditolak kerana persamaan demikian bertentangan dengan tabiat semulajadi manusia dan boleh menghentikan peranan yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka.²⁴ Pembebasan sewajibnya ditentang sekiranya setiap aktiviti yang dilakukan itu dilarang oleh agama. Hanya pembebasan yang memberi erti penggalakan kepada yang ma'ruf dan pencegahan yang mungkar sahaja tetap dianjur dan diperintah supaya dilakukan.

8. Pembebasan Wanita Dan Agama

Bukan semua pembebasan dan kebebasan wanita dilarang dan dihalang oleh agama Islam. Malahan Islam tetap menggalakkan wanita supaya bergerak cergas di dalam pembangunan masyarakat. Tetapi apa yang dimaksudkan dengan pembebasan itu ialah penglibatan wanita hendaklah berdasarkan kepada pengukuhan peranan mereka dalam pengembangan kegiatan yang dibenarkan oleh agama dalam lingkungan dan kerangka Islam dan di samping itu mempergiatkan lagi usaha untuk mencegah dan meninggalkan semua kerja dan aktiviti yang dilarang oleh agama. Secara umumnya, dengan menukar arus kegiatan ini tidak pula mengurangkan fungsi mereka sebagai seorang individu dan anggota masyarakat; malah akan menambahkan lagi skop penglibatan mereka dalam kehidupan secara keseluruhannya. Sejarah Islam telah menunjukkan begitu banyak jenis-jenis pekerjaan kemasyarakatan yang telah diceburi oleh wanita Islam sejak

²⁰E.J. Mishan “Was the Women’s Liberation Movement Really Necessary?, *Enconter*, Januari, 1985, hal. 7; Muhammad Abu Bakar, *op.cit.*, hal. 139.

²¹Hassan bin Abdullah El-Sheikh, *Bagaimana Layanan Islam Terhadap Wanita* (Kuala Lumpur, 1984), hal. 22; Muhammad Abu Bakar, *op.cit.*, hal. 139.

²²*Ibid.*, hal.23.

²³Mustafa El-Rafi'i, *Islam Yang Dinamik Bukan Statik*, terjemahan Ismail Mohammad Hassan (Kuala Terengganu, t.t.), hal. 27; Muhammad Abu Bakar, *op.cit.*, hal. 140.

²⁴A.K. Brohi, *Islam In The Modern World* (Lahore, 1975), hal. 126.

dari zaman awalnya lagi dan bidang penglibatan mereka amat luas sekali.²⁵ Dalam pembentukan peribadi yang membolehkan mereka bergiat secara demikian, pembangunan dan pendidikan peribadi sendiri adalah menjadi asas. Untuk mencapai tujuan ini pembentukan iman dan penerapan akhlak Islamiyyah dalam kehidupan kaum wanita adalah penting sekali. Dengan hanya pembentukan peribadi yang mulia dan sempurna sahajalah setiap orang, termasuk kaum wanita berupaya memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan ummah di sepanjang zaman.²⁶ Pembentukan *Syakhsiyah Islamiyyah* (peribadi Islam) menjadi pra-syarat terpenting sekali dalam penghidupan setiap muslim. Kepada kaum wanita, hanya dengan peribadi sedemikian sahajalah mereka akan berupaya mendokong fungsi tradisional sebagai seorang suri rumah dan ibu dan menyertai dalam kehidupan bermasyarakat secara positif dan efektif menurut tuntutan agama. Inilah apa yang dinamakan pembebasan wanita dalam Islam. Untuk menjayakan konsep pembebasan wanita secara Islam ini, kaum lelaki juga bertanggungjawab memelihara, mendidik dan mengawas wanita sebagai menjalankan kewajipan yang diaimanahkan kepada mereka oleh Allah. Suami wajib memberi perlindungan, nafkah dan kasih sayang kepada setiap isteri mereka. Bapa berkewajipan memberi pendidikan, sama ada agama ataupun keduniaan kepada anak perempuan supaya mereka menjadi manusia yang berguna dan berperadaban. Kaum lelaki juga mempunyai tanggungjawab menjaga kaum wanita supaya tidak tercebur ke lembah maksiat dan tidak berakhlik yang membawa kepada keretakan dan keruntuhan sistem kekeluargaan dan kemasyarakatan yang telah diasaskan oleh Islam untuk faedah bersama. Dengan usaha-usaha sedemikian sahajalah pembebasan wanita dapat dipertahankan supaya bergerak maju selaras dengan ajaran Islam dan menurut kerangka perspektif Islam.

Kesimpulan

Rencana ringkas ini telah membentangkan beberapa garis kasar matlamat perjuangan kaum wanita Islam yang sepatutnya digarapkan pencapaiannya oleh setiap individu, organisasi dan masyarakat seluruhnya. Untuk mencapai matlamat ini kaum wanita Islam hendaklah meletakkan ajaran Islam sebagai garis pandu kepada rangka kerja dan aktiviti yang dijalankan. Pembebasan kaum wanita yang sebenar ialah pembebasan daripada segala belenggu kejahilan, kekufturan dan kefasikan yang menjadi penghalang kepada kemajuan dalam bidang kerohanian

²⁵Lihat Dr. Faisal Othman, "Islam dan Peranan Wanita Melayu Dalam Pembangunan Negara di Malaysia", *Kertas Kerja Seminar Islam Dan Kebudayaan Melayu*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986, hal. 3, Muhammad Abu Bakar, *op.cit.*, hal. 140.

²⁶Cf. Siti Zulaikha M. Nor, "Partisipasi Wanita Islam Dalam Pembangunan Ummah", *Kertas Kerja Kursus Kesedaran Wanita Ke 3*, 1hb. April, 1979 hal. 6; Muhammad Abu Bakar, *op.cit.*, hal. 140.

dan keduniaan. Cita-cita pembebasan ini tidak akan tercapai selagi tidak dibebaskan segala bentuk pemikiran dan tindakan mereka daripada belenggu-belenggu sedemikian. Kebebasan yang paling bererti ialah kebebasan wanita di dalam kerangka yang telah direncanakan oleh *Syari'ah Islamiyyah*.